

Headline	Pelajar Kolej Shahputra tambah pengetahuan Aids	Language	MALAY
Date	22. Jun 2009	Page No	5
Media Title	Sinar Harian (Pahang)	Article Size	417 cm2
Section	NEWS	Frequency	Daily
Circulation	60000	Color	Black/White
Readership	0	AdValue	



Pelajar Kolej Shahputra tambah pengetahuan Aids

KUANTAN – Pelajar Kolej Shahputra berpeluang menambah pengetahuan mengenai penyakit berbahaya iaitu Aids apabila menyertai Seminar Ancaman Aids kepada Wanita dan Remaja 2009 di Dewan Jawatan Kuasa Kampung (JKKK) Felda Bukit Sagu 1, di sini.

Norliyana Afiqah Abdul Karim, 18, yang mengambil jurusan Diploma Ukur Bahan berkata penglibatan aktif setiap seorang individu amat penting bagi menangani penularan epidemik Aids ini.

Menurutnya, pengetahuan mendalam mengenai Aids adalah penting untuk mendidik masyarakat terutama remaja akan kepentingan mengambil tindakan bagi mengurangkan risiko jangkitan virus HIV dan lain jangkitan bawaan hubungan seks.

“Pendedahan yang diperoleh berkaitan Aids ini menyedarkan saya mengenai bahayanya dan langkah keselamatan yang boleh diambil bagi mencegah penyakit ini terus menular.

“Kesedaran terhadap HIV dan Aids dalam kalangan remaja bukan sahaja penting dalam usaha mengurangkan penyebaran virus itu, tetapi juga untuk meningkatkan pemahaman mereka terhadap penyakit ini dan penghidapnya,” katanya ketika ditemui pada seminar itu.

Bagi pelajar jurusan Diploma Pengurusan Pejabat, Nurul Nadiyah Abdul Rahim, 18, masyarakat sebenarnya masih belum cukup didedahkan dengan kaedah



● NORLIYANA AFIQAH ABDUL KARIM



● NURUL NADIYANA ABDUL RAHIM

mengelak jangkitan Aids dan HIV.

“Program sebegini sekurang-kurangnya beri pendedahan menyeluruh kepada pelajar dan meningkatkan kesedaran masyarakat tempatan.

“Selain itu, pelajar berpeluang mendekati masyarakat, sekali gus mengeratkan hubungan sesama mereka,” katanya.